

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 23 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Apakah badan profesional perakaunan yang ditubuhkan untuk melahirkan akauntan profesional yang mahir dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perniagaan?
- A *Malaysian Institute of Accountants (MIA)*
 B *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*
 C *Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)*
 D *Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)*
- 2 Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Hamidah.

P	Q
Puan Hamidah membawa masuk sebuah komputer riba untuk tujuan jualan barang niaga secara atas talian.	Puan Hamidah mengambil barang niaga untuk didermakan kepada mangsa banjir atas nama sendiri.

Apakah kesan urus niaga P dan Q terhadap ekuiti pemilik?

	P	Q
A	Bertambah	Berkurang
B	Berkurang	Bertambah
C	Bertambah	Tiada kesan
D	Berkurang	Tiada kesan

- 3 Manakah padanan Catatan Kontra yang betul?

	Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
A	Ambilan	Modal
B	Kenderaan	Susut nilai terkumpul
C	Perabot	Susut nilai
D	Akaun Belum Terima	Hutang ragu

4 Antara berikut, manakah dokumen yang dikeluarkan oleh bank?

- I Nota debit
 - II Nota kredit
 - III Makluman debit
 - IV Makluman kredit
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

5 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Perabot Wann.

Sekeping nota debit dikeluarkan kepada pelanggan kerana lima buah meja yang dijual terkurang caj dalam invois.

Apakah buku catatan pertama yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?

- A Jurnal Belian
- B Jurnal Jualan
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

- 6 Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Perniagaan Dina.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit	Analisis Pembayaran	
					Pos	Tambang
2024			RM	RM	RM	RM
Mac 1	Tunai		200			
6	Kurier			15	15	
15	Tambang LRT			20		20
			200	35	15	20
31	Baki h/b			165		
			200	200		

Berapakah nilai rekupmen yang diterima daripada ketua juruwang?

- A RM15
- B RM20
- C RM35
- D RM165

- 7 Akaun berikut diperolehi daripada Kedai Elektrik Mooi.

Akaun Lengkapan			
	RM		
Perniagaan Lim	2 500		
Perniagaan Lim			
			RM
		Lengkapan	2 500

Apakah urusan niaga bagi akaun tersebut?

- A Membeli rak pameran daripada Perniagaan Lim secara kredit
 - B Menjual rak pameran kepada Perniagaan Lim secara kredit
 - C Membeli rak pameran daripada Perniagaan Lim secara tunai
 - D Menjual rak pameran kepada Perniagaan Lim secara tunai
- 8 Lejar berikut diperolehi daripada buku perakaunan Pasar Mini Marina.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
2023			RM	2023	
Dis. 31	Bank	10 800		Jan. 1	Baki b/b
	Diskaun	500		Dis. 31	W
	Baki h/b	3 220			
		14 520			

Apakah W?

- A Angkutan keluar
- B Pulangan belian
- C Kontra
- D Belian

9 Pilih catatan Imbangan Duga yang betul.

A Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal	50 000	
Ambilan		500
Pulangan masuk	450	

B Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		50 000
Ambilan	500	
Pulangan masuk		450

C Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal	50 000	
Ambilan		500
Pulangan masuk		450

D Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		50 000
Ambilan	500	
Pulangan masuk	450	

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Elektrik Zami.

Jenis barang	Baki awal (unit)	Masuk (unit)	Keluar (unit)	Harga kos RM	Harga pasaran RM
Kipas meja	20	180	150	50	70
Mesin pengisar	40	210	170	70	100

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM8 100
 B RM11 500
 C RM19 400
 D RM27 500
- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Kaisara pada 31 Disember 2023.

	RM
Untung kasar	15 300
Sewa diterima	3 000
Kadar bayaran	250
Gaji	4 000
Inventori akhir	1 534

Berapakah untung bersih?

- A RM12 516
 B RM14 050
 C RM15 584
 D RM22 550

12 Catatan penutupan manakah yang betul bagi Akaun Belian?

A

Akaun Belian			
	RM		RM
Inventori Awal	3 300	Ambilan	2 530
Akaun Belum Bayar	10 560	Baki h/b	11 330
	<u>13 860</u>		<u>13 860</u>
Baki b/b	11 330		

B

Akaun Belian			
	RM		RM
Bank	3 300	Ambilan	2 530
Akaun Belum Bayar	10 560	Akaun Perdagangan	11 330
	<u>13 860</u>		<u>13 860</u>

C

Akaun Belian			
	RM		RM
Ambilan	2 530	Bank	2 530
Akaun Perdagangan	11 330	Akaun Belum Bayar	11 330
	<u>13 860</u>		<u>13 860</u>

D

Akaun Belian			
	RM		RM
Bank	3 300	Ambilan	2 530
Akaun Belum Bayar	10 560	Akaun Untung Rugi	11 330
	<u>13 860</u>		<u>13 860</u>

13 Pilih padanan yang betul.

	Asas Tunai	Asas Akruan
A	Hasil direkod apabila tunai diterima	Hasil direkod dalam tempoh diperolehi
B	Belanja direkod dalam tempoh dibelanjakan	Belanja direkod apabila bayaran dilakukan
C	Hasil belum terima akan diiktiraf sebagai hasil	Hasil belum terima tidak diiktiraf sebagai hasil
D	Belanja belum bayar akan diiktiraf sebagai belanja	Belanja belum bayar tidak diiktiraf sebagai belanja

14 Melati Enterprise telah membayar premium insurans berjumlah RM6 600 pada 1 April 2024 untuk tempoh setahun. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 31 Ogos setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 31 Ogos 2024?

- A RM550
- B RM2 750
- C RM3 850
- D RM6 050

15 Apakah kesan terhadap hasil atau belanja apabila berlaku pengurangan peruntukan hutang ragu?

- A Hasil bertambah
- B Hasil berkurang
- C Belanja bertambah
- D Belanja berkurang

- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Nina.

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Perabot	4 800	4 650

Akaun Bank (petikan)			
	RM		RM
Perabot	1 800	Perabot	1 900

Berapakah susut nilai perabot?

- A RM50
 - B RM100
 - C RM150
 - D RM250
- 17 Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada Butik Aisha.

Butik Aisha
Imbangan Duga pada 31 Mac 2024 (petikan)

	RM	RM
Alatan pejabat	2 800	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		280

Maklumat tambahan:

- i. Alatan pejabat disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- ii. Pada 31 Mac 2024, sebuah mesin pencetak bernilai RM800 yang dibeli pada 1 April 2022 telah dijual pada harga RM350.

Berapakah untung atau rugi pelupusan alatan pejabat?

- A Untung pelupusan RM290
- B Rugi pelupusan RM290
- C Untung pelupusan RM130
- D Rugi pelupusan RM130

- 18 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Alina.

- Puan Alina menyewakan sebahagian kedainya kepada Cik Emelin pada kadar RM500 sebulan bermula pada bulan Mac 2023.
- Sewa yang telah diterima adalah sehingga November 2023.
- Tempoh perakaunan Syarikat Alina berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah jumlah sewa diterima yang perlu direkodkan dalam Imbangan Duga Terselaras pada 31 Disember 2023?

- A RM500
 - B RM4 500
 - C RM5 000
 - D RM6 000
- 19 Maklumat berikut berkaitan baki-baki aset dan liabiliti Perniagaan Sarimah pada 30 Jun 2024.

	RM
Lengkapan	45 000
Simpanan tetap	10 000
Akaun Belum Terima	2 800
Akaun Belum Bayar	1 650
Pinjaman (matang pada 30 Jun 2030)	30 000
Sewa prabayar	1 000
Jualan belum terperoleh	2 700

Berapakah modal kerja?

- A (RM550)
- B (RM20 550)
- C RM9 450
- D RM24 450

20 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Hassan.

Diskaun yang diberikan kepada pelanggan bernilai RM150 telah didebitkan dalam Akaun Belum Terima dan dikreditkan dalam Akaun Diskaun Diberi.

Pilih catatan yang betul setelah pembetulan kesilapan dilakukan.

A

Jurnal Am

Butir	Fol.	Debit	Kredit
Diskaun diberi Akaun Belum Terima		RM 150	RM 150

B

Jurnal Am

Butir	Fol.	Debit	Kredit
Akaun Belum Terima Diskaun diberi		RM 150	RM 150

C

Jurnal Am

Butir	Fol.	Debit	Kredit
Diskaun diberi Akaun Belum Terima		RM 300	RM 300

D

Jurnal Am

Butir	Fol.	Debit	Kredit
Akaun Belum Terima Diskaun diberi		RM 300	RM 300



- 21 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Ammar Enterprise.

Ammar Enterprise
Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

	RM	RM
Kenderaan	50 800	
Belanja membaiki kenderaan		250

Maklumat tambahan:

- i. Belanja membaiki kenderaan RM500 telah direkodkan dalam Akaun Kenderaan.

Berapakah nilai kenderaan yang dipindahkan ke Penyata Kedudukan Kewangan setelah pembetulan kesilapan dilakukan?

- A RM50 050
B RM50 300
C RM51 050
D RM51 550

- 22 Maklumat berikut diambil daripada Firma Jaya dan Firma Hebat.

Jenis Nisbah	Firma Jaya	Firma Hebat
Nisbah semasa	2 : 1	3 : 1
Pulangan atas modal	20%	25%
Kadar pusing ganti inventori	8 kali	6 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih tafsiran yang betul.

- A Pengurusan inventori Firma Hebat lebih cekap
B Keuntungan perniagaan Firma Jaya lebih tinggi
C Firma Hebat lebih sesuai dipilih untuk membuat pelaburan
D Firma Jaya tidak mampu untuk menjelaskan hutang perniagaan

23 Antara berikut, manakah yang menyebabkan rekod tak lengkap bagi sesebuah perniagaan?

- I Merekod dalam Buku Tunai sahaja
 - II Mengamalkan sistem catatan bergu
 - III Hanya mencatat urus niaga dalam satu akaun
 - IV Berlaku penyelewengan dalam kawalan perbelanjaan perniagaan
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

24 Maklumat berikut diambil daripada Global Trading.

	1 September 2023	31 Ogos 2024
	RM	RM
Utiliti belum bayar	235	190

Pada 31 Ogos 2024, utiliti telah dibayar dengan cek sebanyak RM2 510.

Berapakah utiliti yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM2 085
B RM2 465
C RM2 555
D RM2 935

25 Apakah tujuan kawalan tunai?

- A Memajukan perniagaan dengan meningkatkan jualan
B Mengelakkan kesilapan rekod dalam buku perakaunan
C Memastikan aliran tunai yang mencukupi dalam perniagaan
D Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan maksimum

26 Antara berikut, manakah butiran yang dicatat di lajur kredit Penyata Bank?

- I Dividen
 - II Buku cek
 - III Caj bank
 - IV Pindahan kredit
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan Belanjawan Tunai Perniagaan Li Ann bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2024.

- Anggaran jualan pada bulan Januari sebanyak RM5 000.
- Jualan meningkat 10% pada bulan berikutnya.
- 30% daripada jualan kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.

Berapakah jumlah penerimaan pada bulan Mac 2024?

- A RM5 500
- B RM5 350
- C RM5 735
- D RM5 885

28 Pernyataan di bawah menerangkan tentang butiran Q.

Butiran Q akan didebitkan ke dalam Akaun Semasa pekongsi

Apakah butiran Q?

- A Gaji pekongsi
- B Faedah atas modal
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman

- 29 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian MANIR.

Modal pada 1 Januari 2023:

	RM
Mahmud	150 000
Munir	100 000

Maklumat tambahan:

- Faedah atas modal 5% setahun.
- Pada 1 September 2023, Mahmud menggunakan tunai peribadinya berjumlah RM6 000 untuk mengubah suai premis perniagaan mereka.

Berapakah faedah atas modal Mahmud bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2023?

- A RM1 950
B RM2 600
C RM7 600
D RM7 800

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Dua Beradik pada 31 Mei 2024.

	RM
Akaun Modal Eilya	50 000
Akaun Modal Eiffa	30 000
Akaun Semasa Eilya	1 400 (Dt.)
Akaun Semasa Eiffa	2 100 (Dt.)

Pilih catatan yang tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti Pemilik pada 31 Mei 2024.

A

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM	RM
Akaun Modal Eilya	50 000	
Akaun Modal Eiffa	30 000	
		80 000
Akaun Semasa Eilya	1 400	
Akaun Semasa Eiffa	2 100	
		3 500

B

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM	RM
Akaun Modal Eilya	50 000	
Akaun Modal Eiffa	30 000	
		80 000
Akaun Semasa Eilya	(1 400)	
Akaun Semasa Eiffa	(2 100)	
		(3 500)

C

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Akaun Modal Pekongsi	80 000
Akaun Semasa Pekongsi	3 500

D

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Akaun Modal Pekongsi	80 000
Akaun Semasa Pekongsi	(3 500)

- 31 Maklumat berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Rizhad.

	RM
Jumlah aset	73 000
Jumlah liabiliti	16 500
Belanja realisasi	1 900

Semua aset telah dijual pada harga RM86 000 dan liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah untung atas realisasi?

- A RM11 100
 - B RM13 000
 - C RM14 900
 - D RM18 400
- 32 Puan Ezzah memiliki 3 000 unit Syer Keutamaan Syarikat MNR Berhad bernilai RM2 sesyer.
- Apakah kekurangan Puan Ezzah sebagai pemegang syer syarikat tersebut?
- A Boleh menerima dividen tertunggak
 - B Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
 - C Tuntutan ke atas aset didahulukan jika berlaku pembubaran
 - D Tidak berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung untuk memilih Lembaga Pengarah

- 33 Syarikat Permata Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer pada 1 Januari 2023. Semua syer telah dipohon dan dibayar penuh semasa permohonan.

Tempoh kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Pilih catatan Ekuiti Pemilik yang tepat.

A Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 (petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	
Syer Biasa	1 500 000

B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 (petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	
1 500 000 unit Syer Biasa	1 500 000

C Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 (petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	
1 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000

D Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 (petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	
1 000 000 unit Syer Biasa RM1.50 sesyer	1 500 000

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Jiwa Besar Berhad bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

- 1 450 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.50 sesyer.
- 600 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM1.00 sesyer.

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen Syer Biasa sebanyak 25 sen sesyer.

Berapakah jumlah dividen Syer Biasa?

- A RM362 500
B RM398 500
C RM512 500
D RM543 750
- 35 Perbezaan dari aspek pendapatan dan perbelanjaan bagi kelab dan persatuan dengan entiti berorientasikan keuntungan ditunjukkan di bawah.

Kelab dan Persatuan	X apabila Perbelanjaan hasil > Pendapatan hasil
Entiti Berorientasikan Keuntungan	Y apabila Pendapatan > Perbelanjaan

Apakah butiran X dan Y?

	X	Y
A	Lebihan	Untung
B	Rugi	Lebihan
C	Kurangan	Untung
D	Rugi	Kurangan

- 36 Butiran penerimaan dan pembayaran bagi Kelab Renang Splash adalah seperti berikut.

	RM
Baki awal	12 500
Yuran ahli	44 000
Yuran pertandingan renang	5 700
Kadar bayaran	8 100
Insurans	3 200
Hadiah pertandingan renang	2 800
Derma (naik taraf kolam renang)	25 000
Yuran pendaftaran	8 500

Berapakah baki akhir Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

- A RM31 600
 - B RM56 600
 - C RM69 100
 - D RM81 600
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Hiking Everest.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Yuran Belum Terima	105	-
Yuran Belum Terperoleh	-	65

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2023 ialah sebanyak RM3 180.

Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

- A RM3 010
- B RM3 140
- C RM3 220
- D RM3 350

- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Basikal Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

Penerimaan:	RM
Yuran ahli	35 400
Pembayaran:	
Sewa	4 200
Kadar bayaran	1 800
Insurans	2 000

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Kadar bayaran belum bayar	800	550
Insurans prabayar	600	-

Berapakah jumlah perbelanjaan hasil?

- A RM7 150
- B RM8 000
- C RM8 350
- D RM8 850

- 39 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kek Seri Warna.

	RM
Gaji pekerja pengeluaran	18 000
Kos bahan langsung	35 000
Susut nilai mesin	40 500
Gaji penyelia kilang	28 000
Barang siap	45 600
Kerja dalam proses awal	8 400
Kerja dalam proses akhir	2 600

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM86 800
B RM121 500
C RM127 300
D RM172 900
- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Pemprosesan Makanan Tambahan Health Food.

- Jualan produk Vitamin C dengan harga RM50 seunit.
- Kos berubah seunit ialah RM15 dan kos tetap ialah RM28 000.

Berapakah Titik Pulang Modal?

- A 800 unit
B 620 unit
C 560 unit
D 430 unit

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT